# Kertas Bil. 100/2015

**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 17 – 20 OGOS 2015**

---

**PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM**

**(PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE-PAC) BAGI DEWAN**

**NEGERI SELANGOR**

**BERHUBUNG ISU-ISU PADA TAHUN 2014**

**KERTAS BILANGAN 46/2015**

---

# MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM KERAJAAN NEGERI (PAC) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN ISU-ISU PADA TAHUN 2014 YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 17-20 OGOS 2015

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Diterima | Ditolak | Ulasan/Tindakan MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| 46 | **PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNTS COMMITTEE (PAC)) BERHUBUNG ISU-ISU PADA TAHUN 2014 Pengurusan Rumah Kediaman Rasmi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri** | 1.Aset PKNS Rumah Kediaman Rasmi MMKN harus dipindah milik atau diwartakan di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri. | | | Pada 6 Oktober 2015, BKP telah menerma maklumbalas daripada Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) Petaling melalui emel yang menyatakan proses serah tanah daripada PKNS kepada kerajaan masih sedang berjalan.<br><br>Kelewatan ini berlaku disebabkan kelewatan di pihak PKNS memberi maklumbalasseperti dipohon oleh PDT Petaling. Proses serah tanah kepada kerajaan perlu dibuat terlebih dahulu sebelum proses pewartaan dapat dibuat.<br><br>BKP pertama kali telah menghantar permohonan ini kepada PDT Petaling pada 16 Disember 2013 beserta Pelan Tapak. |
| | | 2.Rumah MMKN perlu sentiasa diselenggarakan dengan baik dan berada dalam keadaan yang kondusif. | | | Untuk Rumah MMKN, Pentadbiran ini telah melantik kontrak perkhidmatan secara berkala bagi perkhidmatan seperti berikut,<br><br>i. Perkhidmatan Oencucuian dan Pembersihan Dalaman, Penyelenggaraan Taman serta Pengurusan Majlis.<br><br>ii. Perkhidmatan Kawalan Serangga Perosak dan Anai-Anai.<br><br>iii. Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata. |

Disahkan oleh: ..........................................................................

**Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad**
Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Kehidupan Bandar
Negeri Selangor
27 **Oktober 2015**

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE – PAC) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG ISU-ISU PADA TAHUN 2014 YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 17 – 20 OGOS 2015**

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN / TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| 10 | **PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE – PAC) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG ISU-ISU PADA TAHUN 2014** | **<u>Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS)</u>**<br><br>1. LPHS perlu memastikan pembeli Rumah Selangorku merupakan pembeli yang mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan supaya tidak berlaku penyelewengan.<br><br>YB. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD D.P.M.S<br>Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)<br>Selangor Darul Ehsan | √ | | Pemilihan adalah melalui sistem pengkomputeran yang berasaskan merit serta kriteria yang telah ditetapkan. Pemilihan dibuat oleh Jawatankuasa Pemilihan yang terdiri daripada Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Daerah/Tanah yang berkaitan dan LPHS. Nama-nama yang telah diperakukan oleh Jawatankuasa akan diangkat untuk kelulusan YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri. Semakan terhadap pematuhan kriteria melalui KWSP, Bil-bil Utiliti dan slip gaji pemohon. Dari itu, dipastikan mereka yang benar-benar layak memperolehi tawaran perumahan berdasarkan kriteria berikut :<br><br>i. Warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas; |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | ii. Bermastautin di Negeri Selangor;<br><br>iii. Pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000 (Jenis A) dan RM8,000 (Jenis B, C & D);<br><br>iv. Satu keluarga satu permohonan sahaja;<br><br>v. Pemohon atau pasangan tidak mempunyai sebarang jenis rumah kediaman di Selangor. Pemohon yang telah memiliki rumah kos rendah selama lima tahun ke atas boleh memohon rumah mampu milik dengan syarat terdapat bukti untuk menjual rumah kos rendah yang sedia ada;<br><br>vi. Pindahmilik hanya dibenarkan selepas 5 tahun; dan<br><br>vii. Berdaftar di LPHS. |

**YB. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** D.P.M.S.
**Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)**
**Selangor Darul Ehsan**

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN / TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2. Kerja-kerja pembaikan dan penyenggaraan cerun seluas 22 ekar dalam Projek Perintis Rumah Selangorku di Sungai Sering harus dibiayai oleh Kerajaan Negeri. Jika kerja-kerja pembaikan dan penyenggaraan membebankan penghuni, pada masa hadapan, pembinaan Rumah Selangorku tidak darus didirikan di kawasan yang bercerun. | √ | | Pelantikan kontraktor telah dibuat walaupun kerja belum dilaksanakan sehingga MBI memaklumkan penerusan projek. |
| | | 3. Kerajaan Negeri harus mengambil inisiatif dan bertanggungjawab terhadap semua isu penyenggaraan rumah mampu milik dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan di samping memperkasakan peranan COB (*Commissioner of Building*). Kerajaan Negeri boleh menyediakan dana, kepakaran yang mencukupi serta melantik agen seperti LPHS untuk menguruskan penyenggaraan rumah mampu milik serta persekitarannya. | | | Pentadbiran ini sedang mengkaji satu penjenemaan semula Program Pemberian Diskaun 25 % cukai Taksiran Pengsapuri Kos Rendah kepada Bayaran Insentif Caj Penyenggaraan kepada pemilik yang tidak mempunyai tunggakan bagi menggalakkan dan meringankan beban rakyat supaya membuat pembayaran caj dengan JMB/MC. Justeru, sekiranya dipersetujui, Kerajaan Negeri perlu memperuntukkan RM6 juta bagi 201,303 unit petak di negeri Selangor.<br><br>Selain itu, berasaskan Retreat EXCO 2015, Terdapat pertikaian |

YB. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD D.P.M.S.
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
Selangor Darul Ehsan

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | rakyat tentang kadar cukai taksiran yang dibayar dan jenis perkhidmatan perbandaran yang diberikan antara rumah *landed* dan pangsapuri. Oleh itu, berdasarkan maklum balas daripada Jabatan Kejuruteraan di setiap PBT, maklumat kos yang terlibat bagi kerja-kerja baik pulih jalan dalam kawasan pangsapuri kos rendah adalah sejumlah RM114,953,575.92 (Maklumat terperinci seperti di Lampiran 1). Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi tumpuan kepada kawasan pangsapuri di bawah kategori kritikal melibatkan 111 kawasan dengan sejumlah keluasan 1589.76 kilometer persegi dan kos sejumlah RM41,819,631.38.<br><br>Selaras dengan keputusan dan arahan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 6/2015 yang bersidang pada 11 Februari 2015, pelaksanaan pengstrukturan semula organisasi Pesuruhjaya Bangunan (COB) di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) negeri Selangor ini perlu berkuatkuasa mulai 1 Mac 2015 dengan menggunakan peruntukan PBT masing-masing seperti berikut:<br><br>i- Menaiktaraf Unit COB kepada bahagian/jabatan setara dengan lain-lain |

YB. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD D.P.M.S.
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
Selangor Darul Ehsan

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | bahagian/jabatan di PBT.<br><br>ii- Jawatan ketua unit COB dinaikkan satu tangga gred dan diberi elaun tidak berpencen (*non-pensionable allowance*).<br><br>iii- Membuat pertambahan perjawatan kontrak berpandukan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2003 seperti berikut:<br><br>• Melantik Pegawai Undang-undang Gred L41 kecuali Pencilong Pegawai Undang-undang Gred L27 di Majlis Daerah Kuala Selangor dan Majlis Daerah Kuala Langat.<br><br>• Melantik Pencilong Pegawai Penilaian gred W27 dengan jumlah maksimum 5 orang (mengikut kesesuaian kawasan zon utama di kawasan PBT).<br><br>iv- Memenuhi waran perjawatan sedia ada di Unit COB yang masih ada kekosongan jawatan. |

YB. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD D.P.M.S.
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
Selangor Darul Ehsan

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | Pelaksanaan arahan ini adalah penting di PBT bagi memperkasakan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat seperti berikut:<br><br>i- Memastikan pegawai yang mencukupi dan kompeten untuk melaksanakan tambahan fungsi COB dalam hal-ehwal penyenggaraan dan pengurusan bangunan strata melalui Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757].<br><br>ii- Memperkukuhkan kaedah pemantauan dan pendidikan secara turun padang ke atas pengurusan Badan Pengurusan Bersama (JMB)/Perbadanan Pengurusan (MC) supaya mematuhi peruntukan undang-undang ditetapkan.<br><br>iii- Meningkatkan kecekapan tindakan penguatkuasaan berdasarkan kuasa yang diperuntukkan dalam undang-undang sedia ada.<br><br>iv- Melaksanakan dasar dan program "Memberdayakan |

YB. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD D.P.M.S.
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
Selangor Darul Ehsan

Komuniti Pangsapuri Negeri Selangor" di peringkat kawasan PBT di bawah portfolio Exco Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar Negeri Selangor. Setakat ini terdapat 10 projek utama yang memerlukan penglibatan sepenuhnya Unit COB dan ianya dijangka akan ditambah dari semasa ke semasa.

v- Melaksanakan peranan sebagai "Pegawai Perhubungan" bagi PBT bersama penduduk pangsapuri bagi kes-kes bencana alam seperti insiden tanah runtuh dan bumbung tercabut akibat ribut.

Antara strategi Kerajaan Negeri untuk meningkatkan peratus penubuhan JMB dan MC bagi tahun 2016 seperti berikut:

| PERKARA | JUMLAH SKIM |
|---|---|
| Pemaju enggan beri kerjasama | Memperkasakan tindakan pendakwaan ke atas pemaju yang enggan memberi kerjasama |

YB. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD D.P.M.S.
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
Selangor Darul Ehsan

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | |

| | |
|---|---|
| | untuk menubuhkan JMB dan MC. Oleh itu, semua Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mematuhi penstrukturan Unit Pesuruhjaya Bangunan yang telah diluluskan khususnya pelantikan Pegawai Undang-undang L41 khusus untuk melaksanakan penguatkuasaan di bawah Akta 757. |
| Pemilik tidak berminat<br>Di bawah 10 petak/bangunan kedai/pejabat | Kajian keberkesaran untuk pelantikan panel ejen-ejen pengurusan berpusat di peringkat negeri bagi mengambil alih pengurusan pangsapuri berkaitan. |

Isu pengambilalihan pengurusan kos rendah oleh Kerajaan Negeri seperti di Lampiran 2.

YB. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD D.P.M.S
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
Selangor Darul Ehsan

LAMPIRAN 1

**MAKLUMAT KOS YANG TERLIBAT BAGI KERJA-KERJA BAIK PULIH JALAN DALAM KAWASAN PANGSAPURI KOS RENDAH MENGIKUT PBT**

| BIL | PBT | KATEGORI | | |
|---|---|---|---|---|
| | | KRITIKAL (RM) | SEDERHANA KRITIKAL (RM) | TIDAK KRITIKAL (RM) |
| 1. | MBSA | 6,087,607.38 | 0 | 0 |
| 2. | MBPJ | 3,133,179.00 | 2,988,759.84 | 1,092,302.20 |
| 3. | MPK | 2,175,000.00 | 16,567,000.00 | 1,700,000.00 |
| 4. | MPSJ | 5,859,925.00 | 2,624,010.00 | 1,248,400.00 |
| 5. | MPAJ | 10,429,900.00 | 12,835,350.00 | 8,265,175.00 |
| 6. | MPS | 10,228,390.00 | 8,271,140.00 | 4,632,300.00 |
| 7. | MPKj | 190,000.00 | 5,221,927.50 | 0 |
| 8. | MPSp | 3,030,880.00 | 0 | 0 |
| 9. | MDHS | 546,000.00 | 569,000.00 | 0 |
| 10. | MDKS | 0 | 4,572,000.00 | 0 |
| 11. | MDKL | 138,750.00 | 636,810.00 | 1,909,770.00 |
| | **JUMLAH** | **41,819,631.38** | **54,285,997.34** | **18,847,947.20** |

**YB. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** D.P.M.S.
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
Selangor Darul Ehsan

**LAMPIRAN 2**

**PENGAMBILALIHAN PENGURUSAN KOS RENDAH OLEH KERAJAAN**

Senario pemilikan dan pengurusan pangsapuri di negeri Selangor adalah berbeza di Singapura. Di negara Singapura, pemilikan pemilik hanya unit rumah sahaja tidak termasuk tanah (tanah adalah kepunyaan kerajaan), manakala kawasan lapang, kemudahan komuniti dan tempat letak kereta adalah dimiliki oleh Kerajaan yang diuruskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Malahan, pemilik perlu membayar fi bulanan untuk mendapatkan tempat letak kereta di pangsapuri mereka.

Di negara Malaysia, pemilikan pemilik bukan sahaja unit rumah dan tanah termasuk kawasan lapang, kemudahan komuniti dan tempat letak kereta yang dimiliki secara bersama. Oleh itu, penyenggaraan harta bersama di pangsapuri adalah menjadi tanggungjawab semua pemilik dan selain daripada pangsapuri di bawah kategori tanah komersial, semua pemilik menikmati kemudahan tempat letak kereta secara percuma tanpa sebarang bayaran fi yang dikenakan oleh Pihak berkuasa Tempatan tidak kira sama ada tempat letak kereta itu di bawah hak milik JMB atau MC mahupun di bawah Pihak Berkuasa Tempatan. Manakala, kajian rambang yang dibuat, adalah didapati butiran kependudukan pangsapuri kos rendah di negeri Selangor adalah seperti berikut:

| STATUS KEPENDUDUKAN | | |
|---|---|---|
| DIDUDUKI | DISEWA | |
| | WARGA TEMPATAN | WARGA ASING |
| 44% | 38% | 18% |
| NOTA<br>Trend majoriti warga asing menyewa hanya di lokasi pangsapuri-pangsapuri kos rendah tertentu sahaja tidak di semua pangsapuri kos rendah. | | |

Melihatkan status kependudukan di pangsapuri kos rendah di negeri Selangor, adalah tidak adil Kerajaan Negeri menanggung kos pengurusan dan penyenggaraan pangsapuri kos rendah sedangkan terdapat sebahagian besar pemilik yang menyewakan unit-unit rumah mereka atas aspek keuntungan.

**YB. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** D.P.M.S.
**Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)**
**Selangor Darul Ehsan**

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah mengambil pelbagai langkah untuk membantu menangani isu penyenggaraan kos rendah seperti berikut:

| BIL | PERKARA | JUMLAH PERUNTUKAN |
|---|---|---|
| 1. | CERIA<br>Bantuan baik pulih harta bersama | RM 13 Juta |
| 2. | L'CERIA<br>Bantuan baik pulih lif | RM 5 Juta |
| 3. | PERMAI CERIA<br>Bantuan kerja-kerja teknikal untuk migrasi meter air individu | RM 7 Juta |
| 4. | SAFWA<br>Rebet Air percuma kepada pangsapuri kos rendah yang masih menggunakan meter air pukal | RM0.8 Juta |
| 5. | SEROJA<br>Skim Keselamatan Kejiranan Pangsapuri | RM 1 Juta |
| | **JUMLAH** | **RM 26.8 Juta** |

Bagi membendung trend penyewaan yang tinggi di pangsapuri kos rendah akibat daripada kelemahan sistem pengagihan nama yang dilaksanakan sebelum tahun 2008 (iaitu 50% di bawah kuota Jawatankuasa Tanah Dan Daerah yang tidak tertakluk kepada syarat-syarat pemilikan kos rendah), Kerajaan Negeri mulai tahun 2008 telah memantapkan sistem pengagihan rumah kos rendah dengan memansuhkan 50% kuota Jawatankuasa Tanah Dan Daerah tersebut dan pemilihan nama individu yang layak adalah berdasarkan merit pemarkahan yang ditetapkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat JMB dan MC yang telah pun melantik suri rumah atau ibu tunggal sebagai pekerja mereka di pangsapuri. Malahan, Kerajaan Negeri juga bercadang untuk mengadakan program *Community Services* di mana penduduk yang tidak mampu membayar caj boleh melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan sebagainya dalam tempoh jam tertentu yang bertepatan dan saksama dengan kadar caj yang perlu dibayar dalam tempoh sebulan.

Sehingga kini, Kerajaan Negeri telah membawa 750 kes pendakwaan ke mahkamah bagi pemilik tidak membayar caj dan didapati tindakan tersebut telah membantu kepada peratus peningkatan kutipan caj sehingga ada yang mencapai 58%. Namun, permasalahan yang timbul untuk melaksanakan pendakwaan ini adalah kegagalan JMB dan MC menyediakan penyata akaun yang teratur dan tidak mendapat kerjasama daripada penyewa untuk memberikan maklumat mengenai alamat terkini pemilik untuk diserahkan notis saman. Melalui Akta 757 yang telah diluluskan baru baru ini di Dewan Yang Mulia Ini, penyewa boleh diarahkan untuk membayar caj penyenggaran bagi pihak pemilik dan amaun tersebut boleh dikontra dengan bil sewa rumah. Kerajaan Negeri juga akan mengesyorkan supaya JMB dan MC mengaturkan jadual kutipan caj dari waktu pagi kepada waktu malam sebagai penambahbaikan.

**YB. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** D.P.M.S.
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
Selangor Darul Ehsan

Berhubung dengan menubuhkan skuad penyelenggaraan kecemasan, ingin saya menarik perhatian Yang Berhormat bahawa kerosakan yang sering berlaku adalah seperti berikut:

i- Pemotongan bekalan elektrik dan air.
ii- Lif rosak.
iii- Bumbung tercabut.
iv- Tangki air pecah.

Kerajaan Negeri berpendapat, sekiranya skuad ini ditubuhkan pun, objektif untuk membaiki kerosakan-kerosakan kecil yang memerlukan perhatian segera dalam tempoh 24 jam tidak tercapai kerana kerosakan-kerosakan yang sering berlaku merupakan kerosakan yang besar yang melibatkan kos tinggi dan hanya boleh dilaksanakan oleh kontraktor berwibawa yang telah berdaftar dengan pihak berkuasa berkaitan seperti Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan(JKKP), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan sebagainya. Sebagai contoh, setiap pangsapuri, lif mereka akan disenggarakan oleh firma kompeten yang berdaftar di JKKP. Maka, apabila berlaku sebarang kerosakan, hanya firma kompeten sedia ada yang boleh membaiki lif tersebut (tidak boleh dilaksanakan oleh pihak luar).

**YB. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** D.P.M.S.
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
Selangor Darul Ehsan

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Diterima | Ditolak | Ulasan/Tindakan MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| 46 | PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNTS COMMITTEE (PAC)) BERHUBUNG ISU-ISU PADA TAHUN 2014 Peruntukan Pembangunan Sekolah Rendah Agama Bukit Changgang Yang Dibelanjakan Kurang Daripada 50% | **Jabatan Agama Islam Selangor**<br><br>2. Pemantauan projek yang berkala harus dilakukan oleh JKR dan JAIS untuk memastikan kos tidak meningkat dan supaya penduduk dapat menikmati faedah sekolah tersebut tanpa membuang masa. | X | | Sekolah ini telah siap dibina pada tahun 2013 dan lawatan tapak bersama JAIS dan JKR telah diadakan setiap bulan sepanjang pelaksanaan projek bagi memantau perkembangannya. |

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
Selangor Darul Ehsan

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNT COMMITTE-PAC) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG ISU-ISU PADA TAHUN 2014 YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 17-20 OGOS 2015**

| BIL. | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| 10. | PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE-PAC) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG ISU-ISU PADA TAHUN 2014 | <u>Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)</u><br><br>1. JKR harus memastikan jadual kemajuan diletakkan dalam kontrak kerana jika tidak, perkara ini akan member kesan kepada peruntukan projek. | JKR | | JKR telah memasukan didalam kontak penjadualan projek (CPM) adalah diwajibkan untuk pihak kontraktor kemukakan sebelum memulakan kerja. |
| | | 2. Pihak Audit mencadangkan kepada Perbendaharaan Negeri untuk menambah baik laporan kewangan dengan memastikan nilai kumulatif projek pembangunan RMK-10 ditunjukan supaya dapat dikaji dan dilihat dengan lebih jelas lagi prestasi perbelanjaan dan kemajuan projek pembangunan. | PNS | | Pihak PNS telah meneliti perkara ini dan penambahbaikan telah dibuat dalam penyediaan anggaran perbelanjaan RMK-11 khususnya bagi penyediaan bajet tahun 2016. |
| | | 3. JKR harus memastikan isu bantahan penduduk perlu ditangani terlebih dahulu dan dipertimbangkan sebagai factor kritikal dalam jadual kerja. | JKR | | JKR telah mengambil tindakan dengan mengadakan 'public hearing' kepada orang awam bagi menyelesaikan isu bantahan penduduk dan perkara ini juga diambil kira dalam penjadualan projek kontraktor. |

Y.B TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam,
Permodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani
Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor

| √Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Diterima | Ditolak | Ulasan/Tindakan MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| 10 | **PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE-PAC) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG ISU-ISU PADA TAHUN 2014** | **<u>Jabatan Pengairan Selangor (JPS)</u>**<br><br>1. JPS harus anjak proses pelantikan kontraktor supaya dapat memulakan projek tebatan banjir dan menyiapkan projek tersebut dengan awal. | √ | | Pihak JPS maklum akan cadangan tersebut dan sedang dalam proses merekabentuk dan menyediakan dokumen berkaitan sebagai persediaan menjelang RMK-11 yang akan datang. |
| | | 2. JPS harus memastikan isu penyelenggaraan diselesaikan dengan efisien. Contohnya, untuk memudahkan parit diselenggarakan, parit "*earth drain*" harus ditukar kepada parit "*concrete drain*" | | √ | Keperluan bagi penukaran earth drain kepada concrete drain adalah bergantung kepada kesesuaian kawasan. Walaubagaimanapun, rekabentuk parit tanah masih diutamakan bagi mengekalkan unsur-unsur semulajadi.<br><br>Penggunaan parit konkrit adalah hanya sesuai di kawasan parit atau sungai yang tidak mempunyai rezab. |
| | | 3. JPS harus mengkaji cara untuk menukar status kawasan rizab sungai kepada kawasan rekreasi ataupun kawasan tanaman kontan supaya penyelenggaraan sungai dipermudahkan kerana orang ramai akan menjaga kebersihan kawasan tersebut. | √ | | Pihak kerajaan negeri telah bersetuju untuk memberi izin bagi penggunaan rezab untuk tujuan tersebut:<br><br>1. Tanaman kontan<br>2. Tempat letak kereta<br>3. Pondok pengawal<br>4. Landskap<br><br>Satu Inisiatif dibawah program ROL telah dirancang untuk melibatkan persatuan penduduk di beberapa kawasan bagi tujuan penjagaan kawasan rizab sungai ini. |
| | | 4. JPS harus memaklumkan dalam mesyuarat penyelarasan bersama agensi PBT yang berkaitan supaya bidang kuasa JPS dan juga agensi PBT yang berkaitan di setiap DUN dapat diselaraskan dan dipamerkan dengan papan tanda yang jelas supaya parit dan sungai dapat diselenggarakan dengan cekap. | √ | | Antara mesyuarat penyelarasan yang melibatkan JPS bersama PBT adalah:<br><br>1. Jawatankuasa Task Force Banjir<br>2. Mesyuarat Tindakan Daerah<br>3. Program 1 Negeri 1 Sungai<br>4. JPS @ Komuniti |



Y.B TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam,
Permodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani
Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

| √Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Diterima | Ditolak | Ulasan/Tindakan MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 5. JPS harus menggunakan *database* yang sedia ada untuk mengenal pasti kawasan bermasalah supaya masalah banjir dapat selesaikan secara bersepadu. | √ | | Pihak JPS Selangor memiliki sebanyak 60 stesen taburan hujan yang akan merekodkan bilangan hujan yang turun dan rekod secara kumulatif direkodkan sebagai database jabatan yang kemudiannya akan disimpan bagi tujuan rujukan.<br><br>Selain itu, kejadian banjir bagi rekod 42 tahun juga telah dikumpulkan dan rekod-rekod ini digunakan dalam penyediaan peta hotspot banjir yang mana akan digunakan sebagai rujukan bagi perancangan dan penyelesaian banjir pada masa akan datang. |

Y.B TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam,
Permodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani
Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

# MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE-PAC) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG ISU-ISU PADA TAHUN 2014 YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 17-20 OGOS 2015

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Diterima | Ditolak | Ulasan/Tindakan MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| 10 | **PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE-PAC) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG ISU-ISU PADA TAHUN 2014** | **<u>UPEN Sektoral</u>**<br><br>1. UPEN Sektoral harus mengurangkan birokrasi untuk mempercepatkan dan memudahkan proses pemilihan dan kelulusan permohonan Dana Industri Kampung.<br><br>**YB TUAN AMIRUDIN SHARI**<br>Ahli Majlis Mesyuarat<br>Kerajaan Negeri Selangor<br>(EXCO) | ✓ | | Birokrasi telah dikurangkan dan prcses pemilihan serta kelulusan Dana Usahawan Mikro Selangor (dahalunya dikenali sebagai Dana Industri Kampung) telah dipercepatkan dan dipermudahkan.<br><br>Sebelum ini proses temuduga di daerah dikendalikan oleh pegawai UPEN sebelum syor kelulusan diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri Selangor. Proses temuduga tersebut mengambil masa sehingga 3 hari bagi satu daerah dan proses perolehan juga dibuat oleh UPEN Sektoral.<br><br>Berkuatkuasa 2014, pross temu duga dikendalikan oleh Pejabat Daerah melalui Penghulu Mukim dan pemilihan serta perolehan juga dibuat di peringkat daerah (Jawatankuasa Pemilihan Dana Usahawan Mikro Selangor Peringkat Daerah). Negeri (Jawatankuasa Pemilihan Dana Usahawan Mikro Selangor Peringkat Negeri) hanya meluluskan berpandukan syor daripada daerah dan menyalurkan waran pembangunan bai menampung perolehan. |

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Diterima | Ditolak | Ulasan/Tindakan MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2. Proses temu duga harus dijalankan dalam masa dua minggu sebelum tarikh tutup permohonan pada 31hb Mac 2014 supaya permohonan dapat diluluskan dengan cepat. | ✓ | | MMKN bertarikh 4 Februari 2015 kertas ringkasan MMK. No. 3/5/2015 yang telah disahkan oleh MMKN Ke 6/2015 pada 11 Februari 2015 telah meluluskan "Proses temuduga (lawat siasat dan laporan siasatan) dikendalikan di peringkat daerah". Permohonan yang dahulunya dibuka setahun sekali kini telah dipinda kepada sepanjang tahun dan proses lawat siasat dibuat setiap kali terdapat permohonan dan dibentangkan di Jawatankuasa Pemilihan Dana Usahawan Mikro Selangor yang dijalankan setiap tahun. |
| | | 3. UPEN Sektoral harus menjelaskan peranan Pejabat Daerah dalam memastikan semua dokumen lengkap dalam melaksanakan proses penapisan sebelum diserahkan kepada UPEN Sektoral.<br><br>YB TUAN AMIRUDIN SHARI<br>Ahli Majlis Mesyuarat<br>Kerajaan Negeri Selangor<br>(EXCO) | ✓ | | **Kerajaan Prihatin**<br><br>UPEN Sektoral telah memaklumkan kepada Pejabat Daerah bahawa borang permohonan Program Kerajaan Prihatin perlu melalui Pejabat Daerah yang berkenaan untuk mendapatkan ulasan dan pertimbangan dalam melaksanakan proses penapisan awal. Perkara ini juga telah dinyatakan dengan jelas di dalam Borang Permohonan Rumah Kerajaan Prihatin. |

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Diterima | Ditolak | Ulasan/Tindakan MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | **Dana Industri Kampung**<br><br>Dua (2) taklimat kepada Pejabat Daerah dan Pejabat ADN / Penyelaras DUN telah dibuat pada tarikh-tarikh berikut:-<br><br>1. 23 Disember 2014 – Pejabat Daerah sahaja; dan<br>2. 10 Ogos 2015 – Pejabat Daerah dan Ahli ADN / Penyelaras DUN. |
| | | 4. UPEN Sektoral harus melaksanakan proses pemilihan dan permohonan secara blanan. Jika tidak menerima kerjasama daripada mana-mana pihak yang bertanggungjawab, UPEN Sektoral harus melaporkannya kepada EXCO yang berkaitan. | ✓ | | Proses pemilihan telah dilaksanakan setiap bulan mulai September 2015. Tempoh sebelum September 2015 digunakan untuk memperincikan prosedur dan proses Dana Usahawan Mikro Selangor berpandukan keputusan MMKN terkini (memperkasakan Dana Industri Kampung). |
| | | 5. UPEN Sektoral harus menyediakan anggaran bajet staf berdasarkan permintaan dan permohonan yang sedia ada.<br><br>YB TUAN AMIRUDIN SHARI<br>Ahli Majlis Mesyuarat<br>Kerajaan Negeri Selangor<br>(EXCO) | ✓ | | Dengan pelaksanaan Dana Usahawan Mikro Selangor, proses-proses pemilihan dan perolehan dikendalikan di peringkat daerah dan keperluan bajet staf (penambahan kakitangan) tidak diperlukan lagi. |

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Diterima | Ditolak | Ulasan/Tindakan MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 6. UPEN Sektoral harus memperluaskan lagi program Kerajaan Prihatin supaya dapat membantu golongan tersasar. | ✓ | | UPEN Sektoral dengan kerjasama Pejabat YB EXCO dan Pejabat Daerah yang berkenaan sentiasa mempromosikan Program Kerajaan Prihatin di dalam beberapa program yang dianjurkan di peringkat Negeri dan Daerah supaya rakyat Negeri Selangor lebih peka terhadap bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri. Hebahan juga dilaksanakan di laman sesawang dan "*Facebook*" YB EXCO. |
| | | 7. Kerajaan Negeri harus mempertimbangkan untuk memansuhkan Dana Industri Kampung ataupun diserapakan di bawah program yang lain seperti Program Hijrah supaya lebih selaras dan dapat membantu golongan yang tersasar.<br><br>YB TUAN AMIRUDIN SHARI<br>Ahli Majlis Mesyuarat<br>Kerajaan Negeri Selangor<br>(EXCO) | ✓ | | Dana Industri Kampung tidak dimansuhkan sebaliknya MMKN Ke 5 yang diadakan pada 4 Februari 2015 yang telah disahkan oleh MMKN Ke 6/2015 pada 11 Februari 2015 telah menimbang dan meluluskan pemerkasaan Dana Industri Kampung kepada Dana Usahawan Mikro Selangor dengan meningkatkan had kelulusan dari RM10 ribu kepada RM30 ribu per permohonan yang merentasi semua sektor perusahaan dan kelayakan peserta daripada industri kampung diperluaskan kepada industri mikro (nilai jualan sehingga RM300 ribu setahun). |

# MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE-PAC) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG ISU-ISU PADA TAHUN 2014 YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 17-20 OGOS 2015

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Diterima | Ditolak | Ulasan/Tindakan MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| 10 | **PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE-PAC) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG ISU-ISU PADA TAHUN 2014** | **Laporan Ketua Negara Tahun 2012 Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Siri 3**<br><br>**<u>Perbendaharaan Negeri Selangor (PWN)</u>**<br><br>1. Aspek perancangan perlu ditambah baik dengan menyediakan senarai inventori (penyenaraian) jalan-jalan yang rosak bagi setiap agensi pelaksana supaya pelaksanaan penyenggaraan jalan lebih terancang dan teratur. | ✓ | | Jawatankuasa Pentadbir Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan-Jalan Negeri Selangor Bil. 6 Tahun 2014 yang bersidang pada 13 Oktober 2014 telah memberi ingatan kepada semua agensi pelaksana projek MARRIS supaya **menyediakan senarai projek / inventori samada mengikut kawasan Dewan Negeri atau Panjang Jalan untuk pelaksanaan pada tahun 2015.** Ini kerana, semua projek MARRIS akan bermula pada awal tahun dan sekiranya terdapat penjimatan ianya dapat digunakan pada pertengahan tahun untuk mengoptimakan perbelanjaan. Penyediaan inventori ini adalah bertujuan mengelakkan kelewatan dalam pelaksanaan projek MARRIS. Keputusan Jawatankuasa tersebut akan diteruskan untuk tahun-tahun seterusnya. |

Y.B TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam,
Permodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani
Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Diterima | Ditolak | Ulasan/Tindakan MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2. Faedah daripada pelaburan yang dibuat menggunakan lebihan peruntukan MARRIS perlu dimasukkan semula ke akaun tersebut. PWN memaklumkan bahawa cadangan tersebut akan dipanjangkan kepada Perbendaharaan Malaysia (MOF) memohon pandangan dan pencerahan kaedah pelaburan yang dibuat dan sekiranya tiada halangan, pelaburan secara sedia ada yang dibuat oleh Kerajaan Negeri akan diteruskan oleh PWN. | | X | Pelaburan ke atas lebihan tunai Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri Selangor (termasuk lebihan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri) dilaksanakan berdasarkan peruntukan-peruntukan Akta Tatacara Kewangan 1957 (Disemak 1972) iaitu:-<br><br>i) Seksyen 8(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 (Disemak – 1972) yang memperuntukkan *"Wang yang telah dibayar kepada Kumpulan Wang Disatukan boleh disimpan dengan bank atau bank-bank tertentu sebagaimana pihak berkuasa kewangan dari semasa ke semasa akan arahkan";*<br><br>ii) Seksyen 8(3)(b) Akta Tatacara Kewangan, 1957 (Disemak – 1972) memperuntukkan *"Wang dalam kedudukan kredit bagi sebuah Negeri dengan mana-mana bank, atau selainnya dipegang oleh Negeri, boleh dilaburkan oleh pihak berkuasa kewangan negeri (i) dalam simpanan dalam mana-mana bank;.... dan pelaburan-pelaburan, bersama dengan apa-apa faedah yang telah diterima daripada nya akan merupakan sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri"*; dan<br><br>iii) Seksyen 8(4) Akta Tatacara Kewangan, 1957 (Disemak – 1972) memperuntukkan faedah yang diterima daripada pelaburan mengikut subseksyen (3) hendaklah dimasukkan ke Akaun Hasil Disatukan melainkan jika ia disyaratkan dalam mana-mana amanah di mana ia perlu dikreditkan ke Kumpulan Wang Amanah |

Y.B TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam,
Permodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani
Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

| BIL. | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **Jabatan Kerja Raya (JKR)**<br>4. Garis panduan kerja penyelenggaraan perlu menyatakan kerja-kerja penyenggaraan tidak boleh dilakukan semasa musim hujan iaitu kerja-kerja penyenggaraan perlu disiapkan sebelum bulan September untuk memastikan kualiti kerja jalan memuaskan. | JKR | | JKR sedia maklum berhubung perlaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan yang tidak membenarkan kerja penurapan semasa musim hujan seperti mana dalam Garis Panduan JKR 21601-0016-13(Julai 2013) |
| | | 5. Kelulusan bagi jalan-jalan yang akan dibaiki dan peruntukan perlu diberi awal kepada agensi pelaksana supaya kerja-kerja dapat dirancang dengan teratur. | JKR | | JKR akur terhadap saranan ini dan akan memastikan segala kerja dapat dirancang, dilaksana, dan disiapkan didalam tempoh yang ditetapkan. Kelulusan kerja daripada UPEN dan peruntukan diperolehi secara pukal daripada PWN, dan hasil kerja akan lebih terancang dan teratur. |
| | | 6. Memperluaskan skop kerja yang boleh dibuat di bawah MARRIS yang melibatkan baik pulih jalan, struktur jalan dengan membawa isu ini keperingkat perbincangan MOF agar Pekeliling MARRIS boleh ditambah baik. | JKR | | JKR telah mengadakan Bengkel Penambaikan Garis Panduan MARRIS pada Mac 2015 yang dihadiri oleh JKR, PWN, dan juga UPEN. Cadangan penambaikan tersebut telah dikemukan kepada peringkat MOF untuk perbincangan dan kelulusan, ruj: JKR.B.JLN.630-1/1/3/1JLD 13 (33), bertarikh 24 Julai 2015. |
| | | **Jabatan Kerja Raya (JKR)** | | | JKR telah mengangkat permohonan kepada Kementerian Kerja Raya |

Y.B TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani
Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

# MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE-PAC) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG ISU-ISU PADA TAHUN 2014 YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 17-20 OGOS 2015

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Diterima | Ditolak | Ulasan/Tindakan MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| 10 | **PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE-PAC) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG ISU-ISU PADA TAHUN 2014** | **<u>UPEN Seksyen Agihan</u>**<br><br>1. UPEN dinasihatkan untuk mengingatkan kepada PBT supaya menggunakan peruntukan yang telah diperuntukan sebelum menggunakan peruntukan daripada sumber lain. Sekiranya ini berlaku, penggunaan peruntukan akan dapat dicapai pada tahap optimum. | ✓ | | Peruntukan pembangunan bagi tujuan pembangunan perbandaran telah diselaraskan oleh UPEN bersama STANDCO Kerajaan Tempatan bagi memastikan peruntukan yang disediakan dapat dibelanjakan secara optimum. |
| | | 2. Vot projek perlu lebih spesifik dan tidak boleh terlalu am. | ✓ | | Vot ditetapkan adalah tertakluk kepada skop projek iaitu kemudahan asas Pihak Berkuasa Tempatan. |



EAN YONG HIAN WAH
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
Selangor Darul Ehsan

# MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE-PAC) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG ISU-ISU PADA TAHUN 2014 YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 17-20 OGOS 2015

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Diterima | Ditolak | Ulasan/Tindakan MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| 10 | **PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE-PAC) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG ISU-ISU PADA TAHUN 2014** | **<u>Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)</u>**<br><br>1. Penambahbaikan Pekeliling MARRIS oleh Kerajaan Negeri boleh dibuat dengan meningkatkan jumlah yang boleh tender ialah 20% lebih daripada amaun yang diluluskan kerana lebihan wang MARRIS masih boleh menampung kerja-kerja yang akan dilakukan untuk mencapai penggunaan peruntukan yang optimum. | ✓ | | Pihak MBSA telah menggunapakai pekeliling peningkatan jumlah yang boleh ditender melebihi 20 peratus melalui lantikan MARRIS fasa 3, perkara tersebut perlu dilaksanakan untuk mengelakkan daripada lebihan baki peruntukan yang tidak dapat digunakan sehingga akhir tahun. |
| | | 2. Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) harus melaksanakan pangauditan ataupun penyiasatan bagi memastikan penawaran tender diberikan kepada kontraktor yang benar-benar mempunyai peralatan dan kapasiti yang mencukupi untuk melaksanakan projek di bawah MARRIS dalam tempoh yang ditetapkan. | ✓ | | Pemilikan jentera / peralatan boleh disyaratkan semasa peringkat tender. |

Y.B TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani
Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan